



Kenyataan Media

CYBERJAYA

14 Januari 2023

MCMC AMBIL LANGKAH TANGANI ISU CAPAIAN INTERNET DI POS BIHAI DAN POS BALAR

Susulan beberapa laporan media berkenaan isu capaian Internet di Perkampungan Orang Asli di POS Bihai dan POS Balar di Gua Musang, Kelantan, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah melakukan siasatan lanjut mengenai isu-isu ini.

Lokasi kedua-dua perkampungan tersebut dianggarkan sejauh 300 km dari Kota Bharu dimana akses untuk ke perkampungan tersebut agak sukar dengan melalui jalan tidak berturap dan berbukit sehingga 70 km.

Bagi laporan media berkenaan isu gangguan perkhidmatan telekomunikasi di POS Balar, ianya adalah berpunca daripada gangguan bekalan elektrik yang menggunakan penjana kuasa (*genset*) pada menara telekomunikasi di POS Balar. Gangguan tersebut berpunca daripada penjana kuasa yang kehabisan minyak diesel. Laluan ke POS Balar terhalang disebabkan berlakunya kejadian tanah runtuh oleh faktor cuaca telah menyukarkan penghantaran bekalan diesel ke menara tersebut. Walau bagaimanapun, pada 5 Januari 2023, menara telekomunikasi di POS Balar sudah berjaya diaktifkan dan kembali beroperasi seperti sediakala.

Bagi laporan media berkenaan isu keperluan untuk penambahbaikan capaian Internet, di bawah inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 1, perkhidmatan jalur lebar Wi-Fi melalui satelit (BWA) telah disediakan di Kampung Orang Asli (KOA) POS Bihai dan KOA Dakoh berhampiran POS Balar bagi membolehkan komuniti setempat dapat menikmati akses Internet secara percuma dengan had kuota penggunaan. Tujuan kuota ini diadakan adalah

untuk memastikan supaya semua pengguna boleh menikmati perkhidmatan BWA secara saksama dan pada tahap kualiti perkhidmatan yang berpatutan.

Namun demikian, bagi mengatasi aduan yang telah diterima, pihak MCMC telah berbincang dengan penyedia perkhidmatan BWA tersedia iaitu Numix Engineering Sdn Bhd dan pemilik menara pemancar berkaitan iaitu pihak CelcomDigi bagi mencari jalan penyelesaian yang bersesuaian. Berdasarkan perbincangan, beberapa solusi bagi penyelesaian jangka pendek, sederhana dan panjang telah dikenalpasti untuk pelaksanaan dan penelitian lanjut.

Bagi penyelesaian jangka pendek, pihak Numix telah bersetuju dan komited untuk meningkatkan kuota penggunaan Internet percuma sedia ada dari 8 GB kepada 12 GB setiap bulan bagi setiap pengguna. Penambahan kuota kepada 12 GB setiap bulan tersebut telah selesai dilaksanakan oleh Numix pada 7 dan 8 Januari 2023 di kedua-dua lokasi untuk membantu para penduduk bagi menjalani aktiviti harian mereka.

Sebagai langkah penyelesaian jangka sederhana, pihak MCMC dan CelcomDigi merancang untuk menambah kapasiti *backhaul Very Small Aperture Terminal* (VSAT) bagi setiap pemancar sedia ada di Kg. Tandrik, POS Belatin, dan POS Balar dari 4 Mbps kepada 10 Mbps secara sementara. Pendekatan jangka sederhana ini akan disiapkan dalam suku kedua 2023. Ini adalah penyelesaian sementara, kerana telah terdapat perancangan komprehensif yang sedang berjalan untuk menaiktaraf penggunaan VSAT ini dengan gentian optik yang lebih stabil serta berkapasiti tinggi oleh pihak CelcomDigi. Pelaksanaan ini adalah sebahagian daripada usaha MCMC untuk menambahbaik kelajuan perkhidmatan 4G di bawah inisiatif JENDELA Fasa 1. Kerja-kerja untuk menaik taraf menara telekomunikasi ini dari VSAT ke gentian optik dijangka siap pada Mei 2024.

Bagi penyelesaian jangka panjang, pihak MCMC dengan kerjasama pihak CelcomDigi sedang meneliti plan perancangan untuk membangunkan satu (1) menara telekomunikasi berdekatan KOA POS Bihai dan satu (1) lagi struktur pemancar di KOA Dakoh dengan *backhaul* gentian optik sebagai penyelesaian tetap bagi memastikan penduduk di kawasan-kawasan terbabit dapat menikmati perkhidmatan mudahalih dalam masa yang terdekat.

Pihak MCMC akan terus memantau terhadap tindakan dan mengambil langkah susulan agar masalah capaian Internet dapat ditangani dengan menyeluruh.

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission

MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA

T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



SKMM_MCMC



MCMCTV